



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 MEI 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **70 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak **5,351 kes** (78.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 14 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **40 kes**, baharu yang telah dilaporkan, **di mana 31 kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia**. Ingin dimaklumkan juga, bahawa tiada kes import yang dilaporkan hari ini.

Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,819 kes** dan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,356 kes**.

Sehingga kini, seramai **16 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, empat (4) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **112** kes (1.64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-112 (kes ke-6780) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 39 tahun. Beliau mempunyai sejarah penyakit injap jantung, serta kemalangan pada awal tahun mengakibatkan beliau patah kedua-dua tulang utama di kaki dan sukar bergerak sendiri. Beliau disahkan meninggal dunia pada 12 Mei 2020 jam 9.52 malam di wad kecemasan Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

## **STATUS TERKINI KLUSTER-KLUSTER COVID-19 BERKAITAN MADRASAH TAHFIZ**

Adalah dimaklumkan bahawa susulan penularan kes COVID-19 di kalangan peserta perhimpunan di Seri Petaling, KKM telah menjalankan pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan pendekatan tertumpu (*targeted approach*) kepada madrasah-madrasah tahfiz iaitu saringan dan persampelan pelajar, guru dan kakitangan dari madrasah, tahfiz, sekolah pondok dan kontak-kontak rapat mereka yang berkait rapat dengan perhimpunan tersebut.

Sehingga 14 Mei 2020 terdapat sebanyak enam (6) buah kluster COVID-19 yang melibatkan madrasah tahfiz. Empat (4) kluster ini adalah merupakan subkluster kepada perhimpunan di Seri Petaling, manakala dua (2) lagi masih dalam siasatan.

Kluster Madrasah di Solok Duku telah dikenal pasti sebagai kluster terbaharu berkaitan madrasah tahfiz. Setakat ini seramai 107 pelajar, guru dan ahli keluarga telah disaring, di mana:

- Dua (2) kes positif COVID-19 di kalangan 35 orang pelajar;
- Tiada kes positif di kalangan 10 orang guru dan kakitangan madrasah
- Dua (2) kes positif COVID-19 di kalangan 62 ahli keluarga guru, kakitangan dan pelajar.

Status terkini bagi kluster lain-lain madrasah adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kluster COVID-19</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kes Baru</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Kes Kematian</b>
1	Kluster Madrasah di Sungai Salan	Pahang	3	84	0
2	Kluster Madrasah di Sungai Lui	Selangor	0	172	0
3	Kluster Madrasah di Ayer Merbau	Melaka	0	41	0
4	Kluster Tahfiz di Lanchang	Pahang	0	6	0
5	Kluster Madrasah di Penanti	Pulau Pinang	0	6	0

Jadual 1: Laporan Kluster COVID-19 berkaitan Madrasah Tahfiz

Sehingga kini, seramai 19,209 orang pelajar, guru dan kakitangan telah dikenal pasti dari sebanyak 370 buah madrasah dan pusat tahfiz di seluruh Malaysia. Daripada jumlah keseluruhan ini sebanyak 12,384 sampel telah diuji (iaitu 64.5 peratus) dan keputusannya adalah seperti berikut:

- 635 kes positif COVID-19;
- 10,755 kes negatif COVID-19;
- 994 kes masih menunggu keputusan.

Berdasarkan keputusan saringan ini, didapati kadar positif di kalangan kumpulan berisiko ini adalah 5.1 peratus. Jika dibandingkan dengan situasi pada satu (1) minggu lalu (7 Mei 2020), kadar positif di kalangan kumpulan berisiko ini adalah 4.4 peratus. Tren kenaikan kadar positif ini adalah membimbangkan kerana ia menunjukkan kebarangkalian untuk menjangkiti orang lain di kalangan kumpulan ini adalah semakin meningkat.

Daripada siasatan yang telah dijalankan oleh pihak KKM, didapati bahawa 539 orang daripada 635 orang yang dikesan positif COVID-19 **tidak mempunyai sebarang gejala** saluran pernafasan (iaitu 84.9 peratus). Ini seterusnya boleh mengakibatkan penularan COVID-19 yang lebih meluas di kalangan ahli keluarga mereka dan juga masyarakat setempat, sekiranya langkah-langkah pencegahan tidak diambil.

Sehubungan itu, KKM telah membangunkan beberapa saranan berikut sebagai pelan tindakan, iaitu:

1. Pelajar madrasah / pusat tahfiz yang sudah pulang ke rumah ibubapa atau penjaga, dimohon menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Klinik Kesihatan atau Hospital

saringan KKM yang berdekatan untuk menjalani persampelan ujian COVID-19.

2. Pelajar yang belum pulang, diminta supaya kekal berada di madrasah atau pusat tahfiz, serta menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau Klinik Kesihatan saringan terdekat agar dapat dijalankan aktiviti persampelan.
3. Kerjasama dari tuan punya atau pihak pengurusan madrasah juga dialukan untuk menghubungi PKD yang berdekatan untuk memberi maklumat yang diperlukan berkaitan pelajar atau kakitangan di pusat masing-masing agar KKM boleh menjalankan tindakan pendekatan tertumpu yang berkaitan.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya patuh kepada 3C dan 3W yang sering disarankan oleh KKM:

- Elakkan 3C: iaitu elakkan kawasan yang sesak (*Crowded place*), elakkan kawasan yang sempit (*Confined space*), dan elak bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).
- Amalkan 3W: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi;

- Duduk di rumah dan hanya keluar sekiranya ada urusan penting;
- Dapatkan rawatan jika bergejala.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

14 Mei 2020 @ 4.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 14 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	95
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	255
<b>SELANGOR</b>	1	1,613
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	11	775
<b>MELAKA</b>	1	214
<b>JOHOR</b>	1	668
<b>PAHANG</b>	8	323
<b>TERENGGANU</b>	0	110
<b>KELANTAN</b>	0	155
<b>SABAH</b>	0	330
<b>SARAWAK</b>	0	544
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	18	1,493
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	89
<b>W.P. LABUAN</b>	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>40</b>	<b>6,819</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import